

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23 November 2015

Najib ulangi sejarah Tun Razak

um - 23/11/2015

KUALA LUMPUR 22 Nov. - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan penubuhan Komuniti ASEAN hari ini begitu dekat di hatinya kerana umpama mengulangi sejarah bapanya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang menjadi antara pengasas ASEAN, **48** tahun lalu.

Dalam suasana yang jarang-jarang berlaku, Perdana Menteri yang dilihat cuba menahan rasa sebaknya, meluahkan rasa hati kepada petugas media bagaimana Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 ini sebenarnya merupakan saat yang cukup peribadi kepadanya.

Malah behau sanggup memanjangkan sidang akhbar yang sepatutnya ditamatkan lebih awal untuk menceritakan mengenai perasaannya di saat melihat dokumen

Penubuhan Komuniti ASEAN yang perlu ditandatanganinya.

"Apabila dokulilen itu dipersembahkan kepada saya, saya berasa sangat tersentuh kerana Allahyarham bapa saya menandatangani Deklarasi Bangkok pada tahun **1967**. Saya tidak pernah terbayangkan yang saya juga akan menandatangani dokumen yang cukup penting kepada ASEAN, **48** tahun seterusnya.

"Kuasa Allah ini kita tidak tahu kerana sejarah berulang dan saya ditakdirkan untuk menandatangani Deklarasi Komuniti ASEAN yang merupakan evolusi terpenting sejak penubuhan ASEAN," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 di Pusat Konvensyen Kuala

Lumpur (KLCC) di sini hari ini.

Dalam pada itu, menurut Najib, terdapat pelbagai peristiwa penting yang juga berlaku di sebalik majlis-majlis yang terbuka kepada umum atau liputan media sepanjang sidang kemuncak tersebut.

"Saya ingin beritahu yang saya telah menyertai pelbagai sidang kemuncak namun Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 ini adalah yang paling banyak acara, pejianjian dan komitmen diadakan sehingga saya mengadakan mesyuarat bilateral bersama Perdana Menteri Rusia, Dmitry Medvedev selepas pukul **12** tengah malam.

"Tidak sahaja itu, selepas sidang kemuncak ini berakhir pun, keesokannya saya akan menerima kunjungan bilateral daripada Perdana

Menteri China, Le Keqiang dan juga Perdana Menteri India, Narendra Modi, pada hari yang sama," katanya.

Beliau memberitahu, Sidang Kemuncak ASEAN telah berubah daripada menjadi sebuah acara formaliti tahunan kepada sebuah platform antarabangsa yang menarik perhatian pemimpin-pemimpin kuasa dunia termasuk Presiden Amerika Syarikat (AS), Barack Obama untuk menjalinan keijasama dan meneroka peluang ekonomi bersama ASEAN.

"Dalam hal ini, tidak sahaja sebagai seorang Perdana Menteri tetapi juga sebagai seorang warga Malaysia, saya amat berbangga kerana negara ini berada di atas pentas dunia dengan banyak pemimpin negara memandangi tinggi kepada Malaysia," katanya.